

**MBSB BANK PERSONAL FINANCING TERMS & CONDITIONS
TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI MBSB BANK**

Subject to the acceptance by MBSB Bank Berhad (Registration No. 200501033981)(716122-P) ("MBSB Bank") of the application from the named applicant ("Applicant") in the application form ("This Form") of MBSB Bank Personal Financing Facility-i based on the concept of Shariah Tawarruq ("this Facility"), the Applicant hereby agrees with the terms and conditions recorded in this Form.

Tertakluk kepada penerimaan MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501033981)(716122-P) ("MBSB Bank") terhadap permohonan daripada pemohon yang dinamakan ("Pemohon") di dalam borang permohonan ("Borang ini") kemudahan Pembiayaan Peribadi-i MBSB Bank berdasarkan konsep Syariah Tawarruq ("Kemudahan ini"), Pemohon dengan ini bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang tertakluk di dalam Borang ini

"Terms" are applicable to this Facility and the Applicant agrees to be bound by the Terms.

"Terma-Terma" adalah terpakai bagi Kemudahan ini dan Pemohon bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma tersebut.

1. DEFINITIONS/ DEFINISI-DEFINISI

"Commodity" means any commodity that is halal and complies with Shariah principles that will be determined at the time of the transaction by MBSB Bank.

"Komoditi" bermaksud apa-apa komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah yang akan ditentukan pada masa transaksi oleh MBSB Bank.

"Full Withdrawal Notice and Notice" means the written notice issued by MBSB Bank to the Applicant after the net amount of the Facility is paid to the Applicant stating the details of the Instalments of MBSB Bank's Commodity Sale Price and any written notice issued by MBSB Bank from time to time thereafter including any notice of amendment or correction.

"Notis Pengeluaran Penuh dan Notis" bermaksud notis bertulis yang dikeluarkan oleh MBSB Bank kepada Pemohon selepas amaun bersih Kemudahan dibayar kepada Pemohon yang menyatakan butiran Ansuran bagi Harga Jualan Komoditi MBSB Bank dan apa jua notis bertulis yang dikeluarkan oleh MBSB Bank dari semasa ke semasa selepas itu termasuk sebarang notis pindaan atau pembedahan.

"Instalment" means the monthly instalment that must be paid by the Applicant to MBSB Bank either before or after the ibra` (rebate) given by MBSB Bank for the payment of MBSB Bank's Commodity Sale Price on a deferred payment basis.

"Ansuran" bermaksud ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank sama ada sebelum atau selepas ibra` (rebat) diberikan oleh MBSB Bank bagi pembayaran Harga Jualan Komoditi MBSB Bank secara bayaran tertangguh.

"MBSB Bank Commodity Purchase Price" means the purchase price for the Commodity purchased by MBSB Bank from the Commodity supplier at the amount detailed in the offer of this Facility which is equivalent to the Facility amount offered to the Applicant.

"Harga Belian Komoditi MBSB Bank" bermaksud harga belian bagi Komoditi yang dibeli oleh MBSB Bank daripada pembekal Komoditi pada jumlah yang diperincikan di dalam tawaran Kemudahan ini yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan yang ditawarkan kepada Pemohon.

"MBSB Bank Commodity Selling Price" means the selling price for Commodity sold by MBSB Bank to the Applicant based on the profit rate payable by the Applicant as detailed in the offer of this Facility.

"Harga Jualan Komoditi MBSB Bank" bermaksud harga jualan bagi Komoditi yang dijual oleh MBSB Bank kepada Pemohon berdasarkan pada kadar keuntungan yang perlu dibayar oleh Pemohon seperti yang diperincikan di dalam tawaran Kemudahan ini.

"Securities" mean any securities deemed necessary by MBSB Bank from time to time and which must be provided by the Applicant or other parties who agree to provide securities at the request of the Applicant and approved by MBSB Bank for all amounts payable by the Applicant to MBSB Bank.

"Sekuriti" bermaksud apa jua sekuriti yang dianggap diperlukan oleh MBSB Bank dari semasa ke semasa dan yang perlu disediakan oleh Pemohon atau pihak-pihak lain yang bersetuju memberi sekuriti atas permintaan Pemohon dan dipersetujui oleh MBSB Bank bagi kesemua amaun yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank.

2. PURPOSE OF FACILITY/ TUJUAN KEMUDAHAN

This Facility is provided to the Applicant for halal and Shariah compliant personal use.

Kemudahan ini diberikan kepada Pemohon untuk kegunaan peribadi yang halal dan mematuhi Syariah.

3. AMOUNT TO BE PAID/DEDUCTED FROM THE FACILITY AMOUNT/ AMAUN YANG PERLU DIBAYAR/PEMOTONGAN DARIPADA JUMLAH KEMUDAHAN

All amounts stated below (if applicable and subject to applicable taxes) will be deducted from the Facility amount approved by MBSB Bank:

Semua amaun yang dinyatakan di bawah (sekiranya berkenaan dan tertakluk kepada cukai yang berkenaan) akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan oleh MBSB Bank:

- i) **Security Deposit (will only be applied at the end of the financing period);/ Deposit Sekuriti (hanya akan diguna pakai pada akhir tempoh pembiayaan);**
- ii) **Group Credit Term Takaful (GCTT) Contribution;/ Sumbangan GCTT;**
- iii) **Wakalah Fee;/ Fi Wakalah;**
- iv) **Other Financing Settlement;/ Penyelesaian Pembiayaan lain;**
- v) **Wealth Management Products;/ Produk Pengurusan Kekayaan;**
- vi) **Other charges and amounts to be paid by the Applicant./ Lain-lain caj dan amaun yang perlu dibayar oleh Pemohon.**

All of the above is subject to the package taken by the Applicant. Only products listed in the application forms are considered as legitimate MBSB Bank products. MBSB Bank shall not be held liable for any unauthorized transactions or business activities. / Semua yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada pakej yang diambil oleh Pemohon. Hanya produk yang disenaraikan di dalam borang permohonan adalah produk MBSB Bank yang sah. Pihak MBSB Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana transaksi atau aktiviti perniagaan yang tidak sah.

All applicable fees and charges will be deducted before the financing amount is credited to the customer's account. If customers are asked to pay any unauthorized or suspicious service fees, they are encouraged to report the issue to MBSB Bank immediately. Reports can be made via email at complaint@mbsb.com or by calling 03-2096 3000. / Semua yuran dan caj yang berkenaan akan ditolak sebelum jumlah pembiayaan dikreditkan ke akaun pelanggan. Jika pelanggan diminta membayar sebarang yuran perkhidmatan yang tidak dibenarkan atau mencurigakan, mereka digalakkan untuk melaporkan isu tersebut kepada MBSB Bank dengan segera. Laporan boleh dibuat melalui e-mel di complaint@mbsb.com atau dengan menghubungi 03-2096 3000.

4. FACILITY TRANSACTIONS/ TRANSAKSI KEMUDAHAN

In accordance with MBSB Bank's financing procedures, MBSB Bank will offer this Facility to the Applicant by sending a short message service ("SMS") to the Applicant or by another suitable medium. / Selaras dengan prosedur pembiayaan MBSB Bank, MBSB Bank akan menawarkan Kemudahan ini kepada Pemohon dengan menghantar satu khidmat pesanan ringkas ("SMS") kepada Pemohon atau melalui medium yang lain yang sesuai.

"YES" answer to the SMS means that the Applicant accepts this Facility and subject to any amendments that will be notified through a notice by MBSB Bank, will be bound to the obligations and commitments according to the Terms of this Facility. / Jawapan "YA" terhadap SMS bermaksud Pemohon menerima Kemudahan ini dan tertakluk kepada apa-apa pindaan yang akan dimaklumkan melalui notis oleh MBSB Bank, akan menjadi terikat kepada obligasi dan komitmen mengikut Terma-Terma Kemudahan ini.

"NO" answer to the SMS means that the Applicant rejects and does not want to proceed with this Facility. / Jawapan "TIDAK" terhadap SMS bermaksud Pemohon menolak dan tidak mahu meneruskan Kemudahan ini.

"CHANGE" answer to the SMS means that the Applicant wishes to change the amount or tenure of this Facility. / Jawapan "TUKAR" terhadap SMS bermaksud Pemohon ingin menukar jumlah atau tempoh Kemudahan ini.

If the Applicant answers "YES" it means that the Applicant agrees to purchase the Commodity and based on the appointment of MBSB Bank as the agent to the Applicant contained in this Form, MBSB Bank will sell the Commodity on behalf of the Applicant to any third party at a price equal to the amount of the Facility offered to the Applicant. The sale proceeds (i.e. the amount of this Facility) will be credited into the Applicant's bank account after deducting all deductions specified in the Facility offer and Terms. / Sekiranya Pemohon menjawab "YA" ia bermaksud Pemohon bersetuju untuk membeli Komoditi dan berdasarkan perantaraan MBSB Bank sebagai wakil Pemohon yang terkandung di dalam Borang ini, MBSB Bank akan menjual Komoditi tersebut bagi pihak Pemohon kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan yang ditawarkan kepada Pemohon. Hasil jualan (iaitu jumlah Kemudahan ini) akan dikreditkan ke dalam akaun bank Pemohon setelah menolak segala pemotongan yang dinyatakan dalam tawaran Kemudahan dan Terma-Terma.

The sale and purchase agreement between MBSB Bank and the Applicant will be made in the form of an SMS which will be sent by MBSB Bank to the Applicant. / Aqad jual-beli di antara MBSB Bank dan Pemohon akan dibuat dalam bentuk SMS yang akan dihantar oleh MBSB Bank kepada Pemohon.

Applicants have the option to answer "YES" to receive cash or "NO" to take delivery of Commodity. / Pemohon mempunyai pilihan untuk menjawab "YA" untuk menerima tunai atau "TIDAK" untuk mengambil penghantaran Komoditi.

If the Applicant answers "YES" it means that the Applicant agrees to purchase the Commodity and based on the appointment of MBSB Bank as the agent to the Applicant contained in this Form, MBSB Bank will sell the Commodity on behalf of the Applicant to any third party at a price equal to the amount of the Facility offered to the Applicant. The sale proceeds (i.e. the amount of this Facility) will be credited into the Applicant's bank account after deducting all deductions specified in the Facility offer and Terms. / Sekiranya Pemohon menjawab "YA" ia bermaksud Pemohon bersetuju untuk membeli Komoditi dan berdasarkan perantaraan MBSB Bank sebagai wakil Pemohon yang terkandung di dalam Borang ini, MBSB Bank akan menjual Komoditi tersebut bagi pihak

Pemohon kepada mana-mana pihak ketiga pada harga yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan yang ditawarkan kepada Pemohon. Hasil jualan (iaitu jumlah Kemudahan ini) akan dikreditkan ke dalam akaun bank Pemohon setelah menolak segala pemotongan yang dinyatakan dalam tawaran Kemudahan dan Terma-Terma.

If the Applicant answers "NO", it means that the Applicant will take delivery of the Commodity and the cost of delivery will be borne by the Applicant. The Applicant must pay MBSB Bank's Commodity Sales Price to MBSB Bank in instalments according to the payment/Instalment schedule specified in this Facility offered. / Sekiranya Pemohon menjawab "TIDAK", ia bermaksud Pemohon akan mengambil penghantaran Komoditi tersebut dan kos penghantaran akan ditanggung oleh Pemohon. Pemohon hendaklah membayar Harga Jualan Komoditi MBSB Bank kepada MBSB Bank secara bayaran tanggguh mengikut jadual bayaran/Ansuran yang dinyatakan dalam tawaran Kemudahan ini.

All decisions regarding Financing applications are centralized at MBSB Bank's headquarters. Applicant is advised to report any suspicious calls or threats from individuals claiming to represent MBSB Bank and requesting applicant to do unnecessary actions to influence decision outcomes. Reports can be made via email at complaint@mbsbbank.com or by calling 03-2096 3000. / Semua keputusan mengenai permohonan Pembiayaan berpusat di ibu pejabat MBSB Bank. Pemohon dinasihatkan untuk melaporkan sebarang panggilan atau ugutan yang mencurigakan daripada individu yang mendakwa mewakili MBSB Bank dan meminta Pemohon melakukan tindakan tidak bersesuaian agar boleh mempengaruhi hasil keputusan. Laporan boleh dibuat melalui e-mel di complaint@mbsbbank.com atau dengan menghubungi 03-2096 3000.

5. CONDITION PRECEDENTS OF FACILITY UTILIZATION/ SYARAT TERDAHULU PENGGUNAAN KEMUDAHAN

Before MBSB Bank disburses the full amount of the Facility to the Applicant and before the Applicant can use the Facility, the following conditions must first be met by all parties involved:- / Sebelum MBSB Bank membuat pengeluaran penuh amaun Kemudahan kepada Pemohon dan sebelum Pemohon boleh menggunakan Kemudahan tersebut, syarat-syarat berikut perlulah dipenuhi terlebih dahulu oleh kesemua pihak yang terlibat:-

- i) **All security documents and supporting documents related to this Facility and required by MBSB Bank have been submitted, accepted and completed;** / Semua dokumen sekuriti dan dokumen sokongan berkaitan Kemudahan ini dan yang diperlukan oleh MBSB Bank telah dikemukakan, diterima dan disempurnakan;
- ii) **The Applicant has complied with all the terms and conditions set by MBSB Bank as stated in the Terms;** / Pemohon telah mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MBSB Bank seperti yang dinyatakan di dalam Terma-Terma;
- iii) **No Event of Default as stated in paragraph (13) is still occurring or has occurred;** / Tiada Kejadian Ingkar seperti yang dinyatakan di perenggan (13) sedang berlaku atau telah berlaku;
- iv) **The Applicant has passed MBSB Bank's internal credit evaluation as stipulated by MBSB Bank;** / Pemohon telah lulus penilaian kredit dalaman MBSB Bank seperti yang ditetapkan oleh MBSB Bank;
- v) **The Applicant has paid all fees and costs payable under this Facility; and** / Pemohon telah membayar segala yuran dan kos yang perlu dibayar dibawah Kemudahan ini; dan
- vi) **Any prior conditions that MBSB Bank deems necessary to be complied with by the Applicant from time to time.** / Apa-apa syarat terdahulu yang MBSB Bank fikirkan perlu dipatuhi oleh Pemohon dari semasa ke semasa.

6. REPRESENTATIONS AND WARRANTIES/ REPRESENTASI DAN JAMINAN

The Applicant represents and warrants to MBSB Bank that: / Pemohon memberi representasi dan jaminan kepada MBSB Bank bahawa:

- i) **The Applicant has the right, power and ability to accept the offer of this Facility and to perform the responsibilities based on these Terms.** / Pemohon mempunyai hak, kuasa dan keupayaan untuk menerima tawaran Kemudahan ini dan untuk melaksanakan tanggungjawabnya berdasarkan Terma-Terma ini.
- ii) **The Applicant named in this Form is not an undischarged bankrupt, and there are no bankruptcy proceedings, legal proceedings or any other action whether current or pending against him/her that will affect the Applicant's ability to meet his/her obligations under these Terms.** / Pemohon yang dinamakan di dalam Borang ini bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan, dan tiada apa-apa prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan yang lain sama ada semasa atau belum diputuskan terhadapnya yang akan mempengaruhi keupayaan Pemohon untuk memenuhi obligasinya dibawah Terma-Terma ini.
- iii) **No Event of Default as stated in paragraph (13) below has occurred or is still occurring in addition to promising that the Applicant will inform MBSB Bank in writing if the Applicant is no longer a government employee or any government agency before the Applicant quit the service.** / Tiada Kejadian Ingkar seperti yang dinyatakan di perenggan (13) di bawah telah berlaku atau masih berlaku disamping berjanji bahawa Pemohon akan memaklumkan kepada MBSB Bank secara bertulis sekiranya Pemohon bukan lagi kakitangan kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan sebelum Pemohon berhenti daripada perkhidmatan tersebut.
- iv) **These Terms become a valid, binding and enforceable legal obligation against the Applicant based on the written Terms;** / Terma-Terma ini menjadi kewajipan undang-undang yang sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap Pemohon berdasarkan Terma-Terma yang termaktub;
- v) **All information provided by the Applicant to MBSB Bank regarding this Facility is authentic and true and there is no omission by the Applicant that results in the information being untrue or misleading.** / Segala maklumat yang diberikan oleh Pemohon kepada MBSB Bank berkaitan Kemudahan ini adalah sahih dan benar dan tiada sebarang pengabaian oleh Pemohon yang mengakibatkan maklumat tersebut tidak benar atau mengelirukan.

This Representation and Guarantee given will continue as long as MBSB Bank's Commodity Sales Price or obligations under this Facility are still outstanding and owed by the Applicant. The truth and accuracy of the representations stated in the Representations and Guarantees stated by the Applicant here are the basis of MBSB Bank's commitment to provide the Facility to the Applicant. If any of the representations and/or guarantees that have been made are found to be untrue in any material aspect, MBSB Bank may review, suspend, reclaim or cancel the Facility or part of it. *Representasi dan Jaminan yang diberikan ini akan berterusan selagi mana Harga Jualan Komoditi MBSB Bank atau tanggungan di bawah Kemudahan ini masih tertunggak dan terhutang oleh Pemohon. Kebenaran dan ketepatan representasi yang dinyatakan di dalam Representasi dan Jaminan yang dinyatakan oleh Pemohon di sini adalah menjadi asas komitmen MBSB Bank untuk menyediakan Kemudahan tersebut kepada Pemohon. Jika sebarang representasi-representasi dan/atau jaminan-jaminan yang telah dibuat ini didapati tidak benar dalam mana-mana aspek yang material, MBSB Bank boleh mengkaji semula, menggantungkan, menuntut semula atau membatalkan Kemudahan tersebut atau sebahagian daripadanya.*

Where appropriate and when required by MBSB Bank, the Applicant will execute or cause the execution of other or subsequent Securities. *Dimana bersesuaian dan apabila dikehendaki oleh MBSB Bank, Pemohon akan melaksanakan atau menyebabkan pelaksanaan Sekuriti lain atau yang selanjutnya.*

COVENANTS/ AKU JANJI

Throughout this Facility tenure, the Applicant undertakes to: *Sepanjang tempoh Kemudahan ini, Pemohon beraku janji akan:*

- i) **pay all Instalments and the amount of indebtedness on time and perform all responsibilities;** *! membayar segala Ansuran dan jumlah keberhutangan tepat pada masanya dan melaksanakan segala tanggungjawabnya;*
- ii) **take all necessary steps to ensure that there are no material changes to his/her financial position;** *! mengambil segala langkah yang perlu bagi memastikan tiada perubahan material ke atas kedudukan kewangannya;*
- iii) **provide MBSB Bank with all information and documents required by MBSB Bank in relation to the Facility;** *! memberi kepada MBSB Bank segala maklumat dan dokumen yang diperlukan oleh MBSB Bank berkaitan dengan Kemudahan;*
- iv) **inform MBSB Bank should any Event of Default occurred under this Facility or any other indebtedness of the Applicant;** *! memaklumkan kepada MBSB Bank sekiranya berlaku Kejadian Ingkar di bawah Kemudahan ini atau mana-mana keberhutangan Pemohon yang lain;*
- v) **authorize MBSB Bank to appoint any party and/or agent to manage all Commodity purchase and sale matters for the purpose of this Facility in accordance with MBSB Bank's financing procedures;** *! memberi kebenaran kepada MBSB Bank untuk melantik mana-mana pihak dan/atau ejen untuk menguruskan segala urusan pembelian dan penjualan Komoditi bagi tujuan Kemudahan ini selaras dengan prosedur pembiayaan MBSB Bank;*
- vi) **ensure that contribution payments for Wealth Management Products subscribed through this Facility package remain active and effective.** *! memastikan bayaran sumbangan bagi Produk Pengurusan Kekayaan yang dilanggan melalui pakej Kemudahan ini agar terus aktif dan berkuat kuasa.*

7. MBSB BANK COMMODITY SALE PRICE PAYMENT/ BAYARAN HARGA JUALAN KOMODITI MBSB BANK

Once the Facility is approved, it will be credited into the Applicant's account by MBSB Bank or through any other appropriate means. The Applicant confirms that the acceptance of this Facility application by MBSB Bank is considered complete as soon as the transactions specified in paragraph (3) above have been carried out or when the Facility has been credited to the Applicant's account, even if the Facility is not used in the Applicant's account or the debt recovery amount (if relevant) has already been paid to any third party by MBSB Bank on behalf of the Applicant (where the Applicant agrees and undertakes to pay all of the debt recovery amount to MBSB Bank if the Facility is cancelled by the Applicant). *! Apabila Kemudahan ini diluluskan, ia akan dikreditkan ke dalam akaun Pemohon oleh MBSB Bank atau melalui apa jua cara yang sesuai. Pemohon mengesahkan bahawa penerimaan permohonan Kemudahan ini oleh MBSB Bank adalah dianggap lengkap sebaik Sahaja transaksi-transaksi yang dinyatakan di dalam perenggan (3) di atas telah dilaksanakan atau apabila Kemudahan tersebut telah dikreditkan ke dalam akaun Pemohon, walaupun Kemudahan tersebut tidak diguna pakai di dalam akaun Pemohon atau amaun tebus hutang (jika berkaitan) telahpun dibayar kepada mana-mana pihak ketiga oleh pihak MBSB Bank bagi pihak Pemohon (di mana Pemohon bersetuju dan beraku janji akan membayar kesemua amaun tebus hutang tersebut kepada MBSB Bank jika Kemudahan tersebut dibatalkan oleh Pemohon).*

Any difference between the requested and approved Facility amount will not affect the validity of these Terms and the Applicant will be deemed to have agreed to the amount approved by MBSB Bank. MBSB Bank Commodity Sales Payment must be made by the Applicant in the amount and according to the number of Instalments as specified in the Facility offer and/or as contained in the Full Withdrawal Notice issued by MBSB Bank. *! Apa-apa perbezaan di antara amaun Kemudahan yang dipohon dan yang diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahihan Terma-Terma ini dan Pemohon akan dianggap bersetuju dengan amaun yang diluluskan oleh MBSB Bank. Pembayaran Jualan Komoditi MBSB Bank perlulah dibuat oleh Pemohon dalam amaun dan mengikut bilangan Ansuran seperti yang dinyatakan di dalam tawaran Kemudahan dan/atau seperti yang terkandung di dalam Notis Pengeluaran Penuh yang dikeluarkan oleh MBSB Bank.*

8. INSTALMENT PAYMENT/ BAYARAN ANSURAN

Monthly Instalment Payment for this Facility can be made through salary deduction, payment in cash/cheque at any MBSB Bank branch, through standing payment instructions or through online payment. The method, date of payment of the first Instalment and subsequent Instalments to be paid by the Applicant are as specified in the Facility offer and/or Full Withdrawal Notice issued by MBSB Bank. *! Bayaran Ansuran bulanan bagi Kemudahan ini boleh dibuat melalui potongan gaji, bayaran secara tunai/cek di mana-mana cawangan MBSB Bank, melalui arahan tetap pembayaran atau melalui bayaran atas talian. Kaedah, tarikh bayaran Ansuran pertama dan Ansuran berikutnya yang perlu dibayar oleh Pemohon adalah seperti yang ditetapkan di dalam tawaran Kemudahan dan/atau Notis Pengeluaran Penuh yang dikeluarkan oleh MBSB Bank.*

For accounts tied to a security deposit, the security deposit will not be returned to the Applicant. Instead it will be used to settle the final instalment balance. With that, the Applicant's indirect financing period may be reduced and end before maturity. / Bagi akaun yang terikat dengan deposit sekuriti, deposit sekuriti tersebut tidak akan dipulangkan kepada Pemohon. Sebaliknya ianya akan digunakan untuk menyelesaikan baki akhir Ansuran. Dengan itu, tempoh pembiayaan Pemohon secara tidak langsung mungkin akan berkurang dan tamat sebelum tempoh matang.

Instalment Payment through Salary Deduction: / Bayaran Ansuran melalui Potongan Gaji:

For accounts involving payment through ANGKASA deductions and/or Employers and/or bodies and organizations approved by MBSB Bank ("Employer"), if the Employer has made salary deductions earlier than the date of the first Instalment as stated in Full Withdrawal Notice, the payment received by MBSB Bank from the salary deduction will be counted as an Advance Payment. No withdrawal by the Applicant is allowed and no refund of Instalment payment will be made by MBSB Bank for the Advance Payment, otherwise the Facility period will be reduced accordingly. / Bagi akaun yang melibatkan bayaran melalui potongan ANGKASA dan/atau Majikan dan/atau badan-badan dan organisasi-organisasi yang diluluskan oleh MBSB Bank ("Majikan"), sekiranya Majikan telah membuat pemotongan gaji lebih awal dari tarikh Ansuran pertama sebagaimana yang dinyatakan di dalam Notis Pengeluaran Penuh, bayaran yang diterima oleh MBSB Bank dari potongan gaji tersebut, ini akan dikira sebagai Bayaran Pendahuluan. Tiada pengeluaran oleh Pemohon dibenarkan dan tiada pemulangan bayaran Ansuran akan dibuat oleh MBSB Bank untuk Bayaran Pendahuluan tersebut, sebaliknya tempoh Kemudahan akan dikurangkan sewajarnya.

However, the Instalment payment by the Applicant will only be considered paid by the Applicant when MBSB Bank receives the payment and not when the salary is deducted by the Employer. Without prejudice to the provisions above, the Applicant must make Instalment payments directly to MBSB Bank: - Walau bagaimanapun, bayaran Ansuran oleh Pemohon hanya akan dianggap dibayar oleh Pemohon apabila MBSB Bank menerima bayaran dan bukannya semasa pemotongan gaji dilakukan oleh pihak Majikan. Tanpa menjejaskan peruntukan di atas, Pemohon hendaklah membuat bayaran ansuran secara terus kepada MBSB Bank: -

- i) **Until the salary deduction by the Employer takes effect; and/or /** Sehingga potongan gaji oleh Majikan berkuatkuasa; dan/atau
- ii) **If the salary deduction is not accepted by MBSB Bank; and/or /** Sekiranya potongan gaji tersebut tidak diterima oleh MBSB Bank; dan/atau
- iii) **If the amount received through salary deduction is less than the Instalment payment. /** Sekiranya amaun yang diterima melalui potongan gaji tersebut kurang daripada bayaran Ansuran.

The Applicant also authorizes MBSB Bank to debit any of the Applicant's deposit accounts for the monthly Instalment (on or before the date the monthly Instalment must be paid) and any other charges relating to the Facility. For debit purposes stated here: - / Pemohon juga membenarkan MBSB Bank untuk mendebit mana-mana akaun deposit Pemohon untuk Ansuran bulanan (pada atau sebelum tarikh Ansuran bulanan mesti dibayar) dan mana-mana caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini. Untuk tujuan debit yang dinyatakan di sini: -

- i) **The applicant undertakes to ensure that sufficient savings have been kept in the account to meet the Instalment payment. /** Pemohon beraku janji untuk memastikan simpanan yang secukupnya telah disimpan di dalam akaun untuk memenuhi bayaran Ansuran.
- ii) **MBSB Bank will not bear any liability for any delay, error, refusal or neglect to make payment. /** MBSB Bank tidak akan menanggung apa-apa liabiliti terhadap mana-mana kelewatan, kesilapan, keengganan atau pengabaian untuk membuat pembayaran.
- iii) **MBSB Bank will determine the payment of money from the Applicant's account based on this debit instruction or any order given to MBSB Bank. /** MBSB Bank akan menentukan pembayaran wang daripada akaun Pemohon berdasarkan arahan debit ini atau mana-mana perintah yang diberikan kepada MBSB Bank.
- iv) **If the payment cannot be made because the savings account balance is insufficient, MBSB Bank will not make the payment on the relevant payment date. Further payments will only be made on the next payment date. The applicant is required to make an alternative plan to settle the relevant payment. /** Sekiranya pembayaran tidak boleh dibuat kerana baki akaun simpanan tidak mencukupi, MBSB Bank tidak akan membuat pembayaran pada tarikh pembayaran berkenaan. Pembayaran selanjutnya hanya akan dibuat pada tarikh pembayaran yang berikutnya. Pemohon dikehendaki membuat pelan alternatif untuk menyelesaikan bayaran yang berkenaan.
- v) **In return for MBSB Bank arranging this debit instruction, the Applicant undertakes to MBSB Bank to indemnify all or any claims, demands, losses, costs, charges and/or expenses that MBSB Bank may incur or incur. /** Sebagai balasan MBSB Bank menyusunkan arahan debit ini, Pemohon mengaku janji kepada MBSB Bank untuk menanggung rugi semua atau mana-mana dakwaan, tuntutan, kehilangan, kerugian, kos, caj dan/atau perbelanjaan yang MBSB Bank mungkin alami atau tanggung.

9. TA`WIDH (LATE PAYMENT COMPENSATION) / TA`WIDH (PAMPASAN BAYARAN LEWAT)

Notwithstanding anything contained herein, the Applicant agrees and undertakes to pay MBSB Bank Ta`widh (late payment compensation) on the overdue Instalment and payment for indebtedness or MBSB Bank's Commodity Sale Price, as the case may be appropriate, as follows: - / Tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung di sini, Pemohon bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada MBSB Bank Ta`widh (pampasan bayaran lewat) ke atas Ansuran yang tertunggak dan bayaran untuk keberhutangan atau Harga Jualan Komoditi MBSB Bank, seperti mana yang bersesuaian, secara berikut: -

- i) **During the Facility period: Ta`widh (late payment compensation) will be charged at a rate up to 1% per year on the amount of arrears or part of it or according to any other method or rate set by MBSB Bank's Shariah Advisory Committee from time to time; /** Semasa tempoh Kemudahan: Ta`widh (pampasan bayaran lewat) akan dikenakan pada kadar sehingga 1%

setahun ke atas jumlah tunggakan atau sebahagian daripadanya atau mengikut apa-apa kaedah atau kadar lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah MBSB Bank dari semasa ke semasa;

ii) **After the maturity period of the Facility: Ta'widh (late payment compensation) will be charged at a rate not exceeding the current Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate on outstanding balances;** / *Selepas tempoh matang Kemudahan: Ta'widh (pampasan bayaran lewat) akan dikenakan pada kadar tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) ke atas baki tertunggak;*

iii) **The amount for Ta'widh (late payment compensation) on indebtedness including MBSB Bank's Commodity Sale Price, will not be compounded.** / *Jumlah bagi Ta'widh (pampasan bayaran lewat) ke atas keberhutangan termasuk Harga Jualan Komoditi MBSB Bank, tidak akan dikompaunkan.*

10. **EARLY SETTLEMENT OF MBSB BANK SELLING PRICE OF COMMODITY AND IBRA' (REBATE)/ PENYELESAIAN AWAL HARGA JUJALAN KOMODITI MBSB BANK DAN IBRA' (REBAT)**

Full settlement or redemption of the Facility can be made at any time upon submission of a written notice to the Bank. The Bank reserves the right to decline the settlement payment if the notice is not provided. / *Penyelesaian penuh atau penebusan Kemudahan boleh dibuat pada bila-bila masa selepas penyerahan notis bertulis kepada MBSB Bank. MBSB Bank berhak untuk menolak pembayaran penyelesaian jika notis tidak diberikan.*

For the early settlement of all or part of MBSB Bank's Commodity Sales Price, the ibra' (rebate) adjustment will be made by MBSB Bank based on the regulations set by MBSB Bank's Shariah Advisory Committee. MBSB Bank will give ibra' (rebate) to the Applicant where there are: / *Bagi penyelesaian awal keseluruhan atau sebahagian daripada Harga Jualan Komoditi MBSB Bank, pelarasan ibra' (rebat) akan dilakukan oleh MBSB Bank berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah MBSB Bank. MBSB Bank akan memberikan ibra' (rebat) kepada Pemohon di mana terdapat:*

- i) **Early settlement or early redemption of the Facility;** or/ *Penyelesaian awal atau penebusan awal Kemudahan tersebut; atau*
- ii) **Completion of the initial financing contract due to restructuring of financing;** or/ *Penyelesaian kontrak pembiayaan asal kerana penyusunan semula pembiayaan; atau*
- iii) **Settlement by the Applicant in case of default;** or/ *Penyelesaian oleh Pemohon dalam kes kemungkiran; atau*
- iv) **Settlement by the Applicant in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.** / *Penyelesaian oleh Pemohon sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.*

For Variable Rate Personal Financing, the rebate will be given based on the difference (if any) between the Effective Profit Rate and the Ceiling Profit Rate and as long as the Effective Profit Rate is lower than the Ceiling/agreed Profit Rate. / *Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Berubah, rebat akan diberi berdasarkan perbezaan (jika ada) di antara Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling dan selagi Kadar Keuntungan Efektif adalah lebih rendah daripada Kadar Keuntungan Siling/Kadar Keuntungan dipersetujui.*

For Personal Financing with a Fixed Rate:- / *Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Tetap:-*

Calculation of ibra' (rebate) = / *Pengiraan ibra' (rebat) =*

$$[n(n+1) / N(N+1)] \times P$$

n = Remaining Months to Maturity Period / *Baki Bulan ke Tempoh Matang*

N = Total Financing Period (in months) / *Jumlah Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)*

P = Total Profit Charge / *Jumlah Caj Keuntungan*

Total Settlement = Balance of Sale Price + Ta'widh + Other Costs (if any) - Ibra' /

Jumlah Penyelesaian = Baki Harga Jualan + Ta'widh + Kos Lain (jika ada) - Ibra'

For Personal Financing with Variable Rates:- / *Bagi Pembiayaan Peribadi dengan Kadar Berubah:-*

Calculation of ibra' (rebate) = **Deferred Profit - Early Settlement Charge**

Pengiraan ibra' (rebat) = Untung Tertangguh - Caj Penyelesaian Awal

Total Settlement = Balance of Sale Price + Overdue Instalment Payment + Late payment charge - Adjustment to Ibra' (rebate) due to change in Effective Profit Rate - Ibra' during settlement

Jumlah Penyelesaian = Baki Harga Jualan + Bayaran Ansuran Tertunggak + Caj bayaran lewat - Penyelarasan keatas Ibra' (rebat) disebabkan perubahan pada Kadar Keuntungan Efektif - Ibra' semasa penyelesaian

11. **MBSB BANK'S RIGHT TO USE THE CREDIT BALANCE OF THE APPLICANT'S ACCOUNT FOR THE PURPOSE OF SETTLEMENT OF ANY DEBT OF THE APPLICANT TO MBSB BANK (SET-OFF)/ HAK MBSB BANK UNTUK MENGGUNAKAN BAKI KREDIT AKAUN PEMOHON BAGI TUJUAN PENYELESAIAN MANA-MANA KEBERHUTANGAN PEMOHON TERHADAP MBSB BANK (TOLAK SELESAI)**

MBSB Bank may combine all or any of the Applicant's accounts, including any money in MBSB Bank's savings, through payroll deduction by the Employer, and use it to settle any indebtedness and responsibility of the Applicant towards MBSB Bank. / *MBSB Bank boleh menggabungkan semua atau mana-mana akaun Pemohon, termasuk sebarang wang di dalam simpanan MBSB Bank, melalui potongan gaji oleh Majikan, dan menggunakannya untuk menyelesaikan sebarang keberhutangan dan tanggungjawab Pemohon terhadap MBSB Bank.*

Therefore, subject to notification through written notice (including through electronic medium) at least seven (7) days in advance to the Applicant, MBSB Bank is hereby authorized to transfer or reject any credit amount of any of the Applicant's accounts for the purpose of settlement of any liability of the Applicant to MBSB Bank. Oleh itu, tertakluk kepada pemberitahuan melalui notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelumnya kepada Pemohon, MBSB Bank dengan ini diberi kuasa untuk melakukan pemindahan atau penolakan apa-apa jumlah kredit mana-mana akaun Pemohon untuk tujuan penyelesaian mana-mana liabiliti Pemohon ke atas MBSB Bank.

12. TAKAFUL, FEES AND COSTS/ TAKAFUL, YURAN DAN KOS

Applicants are encouraged to take a private takaful plan from a takaful company approved by MBSB Bank upon accepting the offer of this Facility. The takaful payment will be deducted from the approved Facility amount. Pemohon digalakkan mengambil pelan takaful persendirian daripada syarikat takaful yang diluluskan oleh MBSB Bank apabila menerima tawaran Kemudahan ini. Bayaran takaful akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan kepada Pemohon.

In the event of a claim upon death or permanent disability, all amounts payable under the takaful coverage will be paid directly to MBSB Bank and will be used to pay any outstanding amounts under this Facility. The remaining amount (if any) will be paid to the Applicant or the Applicant's next of kin (as applicable). Dalam kes tuntutan apabila kematian atau hilang upaya kekal, semua amaun yang perlu dibayar di bawah perlindungan takaful akan dibayar terus kepada MBSB Bank dan akan digunakan untuk membayar apa-apa amaun yang tertunggak di bawah Kemudahan ini. Jumlah baki (jika ada) akan dibayar kepada Pemohon atau waris Pemohon (mengikut mana yang berkenaan).

All fees and expenses, legal fees (on a lawyer and Applicant basis) and costs incurred or financed by MBSB Bank regarding the provision and preparation of documents for this Facility and/or any Securities and/or MBSB Bank's enforcement of its rights under the Facility and/or or Securities shall be paid by the Applicant, and at MBSB Bank's discretion, may be debited to the Applicant's specified account or any of the Applicant's accounts with MBSB Bank. Semua yuran dan perbelanjaan, yuran guaman (mengikut asas peguam dan Pemohon) dan kos yang ditanggung atau dibiayai oleh MBSB Bank berkenaan peruntukan dan penyediaan dokumen bagi Kemudahan ini dan/atau mana-mana Sekuriti dan/atau penguatkuasaan MBSB Bank bagi haknya dibawah Kemudahan dan/atau Sekuriti hendaklah dibayar oleh Pemohon, dan atas pertimbangan MBSB Bank, boleh didebitkan ke akaun Pemohon yang dinyatakan atau mana-mana akaun Pemohon dengan MBSB Bank.

In addition to the provisions herein, the Applicant agrees to indemnify MBSB Bank and ensure that MBSB Bank does not bear any payment, losses, costs, charges or expenses that MBSB Bank may incur as a result of granting or extending this Facility to the Applicant or as a result of the Applicant's default. MBSB Bank may impose charges and the Applicant undertakes to bear all fees and charges imposed by MBSB Bank related to this Facility or any Securities and redemption statement(s) issued or to be issued. Sebagai tambahan kepada peruntukan di sini, Pemohon bersetuju untuk menanggung rugi MBSB Bank dan memastikan MBSB Bank tidak menanggung sebarang pembayaran, kerugian, kos, caj atau perbelanjaan yang pihak MBSB Bank mungkin alami akibat memberi atau melanjutkan Kemudahan ini kepada Pemohon atau akibat daripada keingkaran Pemohon. MBSB Bank boleh mengenakan caj dan Pemohon mengaku janji untuk menanggung segala bayaran dan caj yang dikenakan oleh MBSB Bank yang berkaitan dengan Kemudahan ini atau mana-mana Sekuriti dan penyata tebus balik (redemption statement(s)) yang dikeluarkan atau yang akan dikeluarkan.

13. EVENT OF DEFAULT/ KEJADIAN INGKAR

The total amount of MBSB Bank's Commodity Sale Price and any monies payable and outstanding under this Facility including Ta'widh (late payment compensation) (if any) shall immediately be payable by the Applicant upon the occurrence of any Event of Default as follows:- Jumlah keseluruhan bagi Harga Jualan Komoditi MBSB Bank dan apa-apa wang yang perlu dibayar dan tertunggak di bawah Kemudahan ini termasuklah Ta'widh (pampasan bayaran lewat) (jika ada) akan serta-merta perlu dibayar oleh Pemohon apabila berlakunya mana-mana Kejadian Ingkar seperti berikut:-

- i) The Applicant fails or defaults in payment of MBSB Bank's Commodity Sale Price and any monies due under the provisions of these Terms or this Facility, whether officially claimed by MBSB Bank or not; Pemohon gagal atau ingkar dalam pembayaran Harga Jualan Komoditi MBSB Bank dan apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah peruntukan Terma-Terma ini atau Kemudahan ini, sama ada dituntut secara rasmi oleh MBSB Bank atau tidak;
- ii) The Applicant and/or any party providing the Securities defaults or threatens to default or ignores any promise, stipulation, term or condition contained in these Terms, this Form and/or any Securities document; Pemohon dan/atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti ingkar atau mengancam untuk ingkar atau mengabaikan mana-mana janji, stipulasi, terma atau syarat yang terkandung di dalam Terma-Terma ini, Borang ini dan/atau mana-mana dokumen Sekuriti;
- iii) Any statement, representation or guarantee made by the Applicant herein is proven to be untrue or is wrong at the time the said statement, representation or guarantee was made or deemed to be made; Apa-apa pernyataan, representasi atau jaminan yang dibuat oleh Pemohon di sini dibuktikan sebagai tidak benar atau adalah salah pada masa pernyataan, representasi atau jaminan tersebut dibuat atau dianggap seolah-olah dibuat;
- iv) These Terms and/or the Securities documents are not or will become invalid or unenforceable; Terma-Terma ini dan/atau dokumen-dokumen Sekuriti adalah tidak atau akan menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan;
- v) The Applicant fails to pay any indebtedness to any party (including to MBSB Bank) or the Applicant's indebtedness (other than in this Form) or any party providing the Securities to MBSB Bank or any other bank or financial institution due to an Event of Default by the Applicant or any party providing the Securities becomes overdue or may be declared overdue before its maturity date; Pemohon tidak membayar mana-mana keberhutangan kepada mana-mana pihak (termasuk kepada MBSB Bank) atau keberhutangan Pemohon (selain daripada di dalam Borang ini) atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti kepada MBSB Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan yang lain di atas sebab Kejadian Ingkar oleh Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti tersebut menjadi tertunggak atau boleh diisytiharkan tertunggak sebelum tarikh matangnya;

- vi) **The Applicant (other than in this Form) or any party providing Securities to MBSB Bank or any other bank or financial institution due to an Event of Default by the Applicant or any party providing the Securities becomes overdue or can be declared overdue before its maturity date;** *I Pemohon (selain daripada di dalam Borang ini) atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti kepada MBSB Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan yang lain di atas sebab Kejadian Ingkar oleh Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti tersebut menjadi tertunggak atau boleh diisytiharkan tertunggak sebelum tarikh matangnya;*
- vii) **The Applicant or any party providing Securities has supplied false information or data to MBSB Bank;** *I Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti telah membekalkan maklumat atau data yang palsu kepada MBSB Bank;*
- viii) **The Applicant's account with any bank is not managed satisfactorily;** *I Akaun Pemohon dengan mana-mana bank tidak diuruskan secara memuaskan;*
- ix) **Events or situations have occurred that will or may affect the ability of the Applicant or any party providing Securities to perform its obligations in this Facility, guarantee or any Securities;** *I Kejadian atau peristiwa atau situasi telah berlaku yang akan atau boleh mempengaruhi kemampuan Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti untuk melaksanakan obligasi-obligasinya dalam Kemudahan ini, jaminan atau mana-mana Sekuriti;*
- x) **The Applicant or any party providing the Securities becomes bankrupt, commits acts of bankruptcy, becomes insane or dies;** *I Pemohon atau mana-mana pihak yang menyediakan Sekuriti menjadi bankrap, melakukan perbuatan-perbuatan kebangkrutan, tidak waras atau meninggal dunia;*
- xi) **A distress or execution (execution) is imposed against any property of the Applicant or trustee, or an official who has been appointed against the whole or any part of his assets;** *I Suatu distress atau pelaksanaan (execution) dikenakan terhadap mana-mana hartanah Pemohon atau pemegang amanah, atau pegawai rasmi yang telah dilantik terhadap keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada asetnya;*
- xii) **The Applicant ceases or threatens to cease from running its business or transfers, sells or intends to transfer or sell a substantial part of its assets;** *I Pemohon berhenti atau mengugut untuk berhenti daripada menjalankan perniagaannya atau memindahkan, menjual atau berniat untuk memindahkan atau menjual sebahagian besar daripada aset-asetnya;*
- xiii) **The Applicant claims that all or part of these Terms are of no full force or effect;** *I Pemohon mendakwa bahawa seluruh atau sebahagian daripada Terma-Terma ini tidak mempunyai kuasa atau kesan sepenuhnya;*
- xiv) **Any current account of the Applicant has been closed by any bank on the order and/or instruction of the agency that has authority over dishonored checks and/or the bank's policies in maintaining said current accounts , regardless of whether his/her current accounts with MBSB Bank (whether owned individually or jointly owned with others) have been properly managed; The applicant is no longer a government employee or any government agency;** *I Mana-mana akaun semasa Pemohon telah ditutup oleh mana-mana bank atas perintah dan /atau arahan agensi yang mempunyai kuasa ke atas cek-cek tendang (dishonoured cheques) dan/atau polisi-polisi bank tersebut dalam mengekalkan akaun-akaun semasa tersebut, tanpa mengambil kira akaun-akaun semasanya dengan MBSB Bank (sama ada dimiliki secara perseorangan ataupun milikan bersama dengan orang lain) telah dikendalikan dengan sebaiknya; Pemohon bukan lagi kakitangan kerajaan atau mana-mana agensi kerajaan;*
- xv) **Receivers or trustees are appointed to take over ownership of the Applicant's property or any execution that will be, is being and/or has been taken against the Applicant's property;** *I Penerima atau pemegang amanah dilantik bagi mengambil alih pemilikan harta benda Pemohon atau apa-apa pelaksanaan yang akan, sedang dan/atau telah diambil terhadap harta benda Pemohon;*
- xvi) **There is a breach of this Agreement or any agreement involving a loan or credit advance to the Applicant which gives the right to the relevant creditor (including MBSB Bank) to accelerate payment or withdraw this Facility or such loan or credit advance;** *I Terjadi kemungkiran pada Kemudahan ini atau mana-mana perjanjian yang melibatkan pinjaman wang atau pendahuluan kredit kepada Pemohon yang memberikan hak kepada kreditor berkenaan (termasuk MBSB Bank) untuk mempercepatkan pembayaran atau menarik balik Kemudahan ini atau, pinjaman wang atau pendahuluan kredit tersebut;*
- xvii) **Changes in any applicable laws or regulations in Malaysia that cause it to be an offense for MBSB Bank to continue to provide this Facility to the Applicant.** *I Perubahan di dalam mana-mana undang-undang atau peraturan di Malaysia yang terpakai yang menyebabkan ianya menjadi satu kesalahan kepada MBSB Bank untuk terus menyediakan Kemudahan ini kepada Pemohon.*

In the event of any Event of Default as stated above, this Facility or any part thereof will be suspended, withdrawn or terminated and/or MBSB Bank's Commodity Sale Price and all monies payable to MBSB Bank under this Facility and Form will become payable by the Applicant. Further, MBSB Bank may enforce any Securities that have been provided to pay all outstanding and unpaid amounts under this Facility. *I Sekiranya berlaku mana-mana Kejadian Ingkar seperti yang dinyatakan di atas, Kemudahan ini atau mana-mana bahagiannya akan ditangguhkan, ditarik balik atau ditamatkan dan/atau Harga Jualan Komoditi MBSB Bank dan semua wang yang perlu dibayar kepada MBSB Bank di bawah Kemudahan dan Borang ini akan menjadi perlu dibayar oleh Pemohon. Selanjutnya, MBSB Bank boleh menguatkuasakan mana-mana Sekuriti yang telah disediakan untuk membayar semua jumlah yang tertunggak dan tidak dibayar di bawah Kemudahan ini.*

14. NOTICE/ NOTIS

Any notice or claim under this Facility must be in writing and must be sent to the parties concerned by (i) hand delivery, (ii) registered post, (iii) facsimile or (iv) email to the party's address or details - the most recent party as stated in this Form. Service for any legal process shall be sent by registered post. Subject to the sender not receiving any notification of failed or returned delivery, the delivery of such notices, claims and legal processes will be deemed effective and perfectly delivered, for (i) hand delivery, upon receipt by the said party, (ii) postal delivery registered, after three (3) working days after the date it was sent, (iii) facsimile, of the transmission with a printing record of the transmission being successfully sent, subject to the condition that if the transmission is made after 5.00 pm, it will be deemed to have been delivered on next working day, and (iv) email, within twenty-four (24) hours of being sent. No change to the Applicant's address stated in this Form shall be deemed to be effective or binding on MBSB Bank unless MBSB Bank receives express notice regarding the change of address. *I Sebarang notis atau tuntutan di bawah Kemudahan ini hendaklah dalam bentuk bertulis dan perlu dihantar kepada pihak-pihak berkenaan melalui (i) serahan tangan, (ii) kiriman*

pos berdaftar, (iii) faksimili atau (iv) e-mel ke alamat atau butiran pihak-pihak tersebut yang terkini seperti yang dinyatakan di dalam Borang ini. Penyerahan untuk sebarang proses undang-undang hendaklah dihantar melalui pos berdaftar. Tertakluk kepada penghantar tidak menerima apa-apa pemberitahuan penghantaran gagal atau dikembalikan, penghantaran notis, tuntutan dan proses undang-undang tersebut akan dianggap berkesan dan sempurna dihantar, bagi (i) serahan tangan, pada masa penerimaan oleh pihak tersebut, (ii) kiriman pos berdaftar, setelah tiga (3) hari bekerja selepas tarikh ia dihantar, (iii) faksimili, terhadap transmisi dengan catatan percetakan transmisi tersebut berjaya dihantar, tertakluk kepada syarat bahawa jika penghantaran tersebut dibuat setelah jam 5.00 petang, ia akan dianggap telah diserahkan pada hari bekerja berikutnya, dan (iv) e-mel, dia puluh empat (24) jam selepas dihantar. Tiada perubahan kepada alamat Pemohon yang dinyatakan di dalam Borang ini dianggap berkuat kuasa atau mengikat MBSB Bank kecuali MBSB Bank menerima notis yang nyata berkenaan perubahan alamat tersebut.

15. PRIORITY OF DIVISIONS/ KEUTAMAAN PEMBAHAGIAN

MBSB Bank may prioritize the payment of Instalments over the payment of other outstanding amounts from any payment received by MBSB Bank. MBSB Bank can re-evaluate this priority as it deems fit. If any amount received in payment or repossessed through enforcement is less than the outstanding amount; MBSB Bank will use the amount in proportion and order of priority and as a whole according to the manner determined by MBSB Bank. / MBSB Bank boleh mengutamakan pembayaran Ansuran berbanding pembayaran amaun-amaun lain yang tertunggak daripada mana-mana pembayaran yang diterima oleh MBSB Bank. MBSB Bank boleh menilai semula keutamaan (priority) ini sebagaimana yang difikirkan patut. Jika mana-mana amaun yang telah diterima dalam bentuk bayaran atau dimiliki semula melalui penguatkuasaan adalah kurang daripada amaun yang tertunggak; MBSB Bank akan menggunakan amaun tersebut dalam kadar (proportion) dan turutan keutamaan (priority) dan secara keseluruhannya mengikut cara yang akan ditentukan oleh MBSB Bank.

16. CERTIFICATE / PERAKUAN

Any documents or certificate, notice or claim that has been signed on behalf of MBSB Bank by any officer of MBSB Bank or any solicitor or solicitor firm representing MBSB Bank will be considered as strong evidence against the Applicant for the amount owed from the Applicant to MBSB Bank and all matters stated therein for any purpose whatsoever including for the purpose of legal proceedings. / Mana-mana sijil atau perakuan (certificate), notis atau tuntutan yang telah ditandatangani bagi pihak MBSB Bank oleh mana-mana pegawai MBSB Bank atau mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang mewakili MBSB Bank akan dianggap sebagai bukti kukuh terhadap Pemohon atas jumlah yang terhutang daripada Pemohon kepada MBSB Bank dan semua perkara yang dinyatakan di dalamnya bagi apa-apa tujuan sekalipun termasuk bagi tujuan prosiding undang-undang.

17. ASSIGNMENT/ PENYERAHAN HAK

MBSB Bank has the right to assign its rights and liabilities under this Facility. The liabilities and obligations under these Terms, or any of the Securities documents shall be deemed valid and binding for all purposes without regard to any change by merger, amendment or otherwise whatsoever to be made in the memorandum and articles of association of MBSB Bank. The time provided by applicable Malaysian law to reclaim all outstanding amounts shall not be taken into account against MBSB Bank until a written demand for payment of such outstanding amounts is issued against the Applicant. / MBSB Bank mempunyai hak untuk menyerahkan hak dan liabilitinya di bawah Kemudahan ini. Liabiliti-liabiliti dan obligasi-obligasi di bawah Terma-Terma ini, atau mana-mana dokumen-dokumen Sekuriti akan dianggap sah dan mengikat untuk semua tujuan tanpa mengambil kira mana-mana perubahan melalui pencantuman, pengubahan semula atau apa-apa sekalipun yang akan dibuat di dalam memorandum dan tata urusan syarikat MBSB Bank. Masa yang diperuntukkan oleh undang-undang Malaysia yang terpakai untuk menuntut kembali semua jumlah tertunggak tidak akan diambil kira terhadap MBSB Bank sehingga tuntutan bertulis bagi bayaran jumlah tertunggak tersebut dikeluarkan terhadap Pemohon.

18. SEPARATION/ KEBERASINGAN

These Terms apply the laws of Malaysia. Any provision of the Terms that is contrary to law, invalid, prohibited or unenforceable in any jurisdiction in Malaysia, will be ineffective to the extent that it is contrary to law, not valid, prohibited or unenforceable against the jurisdiction without prejudice to other provisions. / Terma-Terma ini menggunakan undang-undang Malaysia. Mana-mana peruntukan Terma-Terma yang bertentangan di sisi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana bidang kuasa di Malaysia, akan menjadi tidak efektif sehingga sejauh mana ia adalah bertentangan di sisi undang-undang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan terhadap bidang kuasa tersebut tanpa memudaratkan peruntukan yang lainnya.

No failure, neglect or delay by MBSB Bank in exercising any right, power, privilege or remedy accruing to MBSB Bank in these Terms shall affect any right, power, privilege or remedy or be deemed a waiver of or consent to such default, and no action by MBSB Bank in relation to any default or consent to any such default shall affect any right, power, privilege or remedy of MBSB Bank in relation to any other or subsequent default. The rights and remedies provided herein are cumulative and include the powers or remedies provided under applicable Malaysian law. / Tiada kegagalan, pengabaian atau kelewatan oleh MBSB Bank dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang terakru kepada MBSB Bank dalam Terma-Terma ini akan menjejaskan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi atau dianggap sebagai pengecualian atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut, dan tiada tindakan oleh MBSB Bank berkaitan apa-apa keingkaran atau persetujuan terhadap apa-apa keingkaran tersebut akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi MBSB Bank berkaitan mana-mana keingkaran yang lain atau yang seterusnya. Hak-hak dan remedi yang diperuntukkan di sini adalah terkumpul dan termasuk kuasa atau remedi yang diperuntukkan di bawah undang-undang Malaysia yang terpakai.

19. AMENDMENTS TO TERMS/ PINDAAN PADA TERMA-TERMA

It is hereby agreed by all parties that regardless of the provisions of the Terms and Conditions, they are subject to change by MBSB Bank by giving written notice (including via electronic medium) at least twenty-one (21) days before the changes to the

said provisions become effective. / Adalah dengan ini dipersetujui oleh semua pihak bahawa walau apapun peruntukan Terma-Terma dan Syarat-Syarat, ia adalah tertakluk kepada perubahan oleh pihak MBSB Bank dengan memberi notis bertulis (termasuk melalui medium elektronik) sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan pada peruntukan tersebut menjadi efektif.

20. DEFINITIONS/ TAKRIF

The letterhead, logo and titles used here are only intended for convenience and are not used in the translation of the meaning of these Terms. / Kepala surat, logo dan tajuk-tajuk yang digunakan di sini hanyalah bertujuan untuk memudahkan sahaja dan tidak digunapakai dalam penterjemahan maksud Terma-Terma ini.

21. TIME/ MASA

Time when stated in this Form is important. / Masa apabila dinyatakan di dalam Borang ini adalah penting.

22. FULL PAYMENT WITHOUT REFUSAL BY APPLICANT/ PEMBAYARAN PENUH TANPA PENOLAKAN OLEH PEMOHON

All payments made by the Applicant must be in full payment without any rejection or counterclaim. / Semua bayaran yang dilakukan oleh Pemohon hendaklah dengan pembayaran penuh tanpa sebarang penolakan atau tuntutan balas.

23. BINDING HEIRS/ PENGIKAT WARIS

These Terms are binding on the Applicant, his heirs, personal representatives and successors (if applicable) and shall be enforced by and for the benefit of MBSB Bank, his heirs and successors. / Terma-Terma ini adalah mengikat Pemohon, warisnya, wakil diri dan penggantinya (jika berkenaan) dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan MBSB Bank, waris diri dan penggantinya.

24. DEFAULT EFFECTS/ KESAN KEINGKARAN

Regardless of these Terms, if there is any default on any account and/or Facility with MBSB Bank or any party that is capable of affecting the Applicant's ability to fulfil the Applicant's responsibilities towards the Facility and also these Terms, MBSB Bank may demand full payment of any amount not yet paid by the Applicant to MBSB Bank and/or implement any steps contained herein accordingly. / Tanpa mengambil kira Terma-Terma ini, sekiranya terdapat sebarang keingkaran terhadap mana-mana akaun dan/atau kemudahan Bersama MBSB Bank atau mana-mana pihak yang mampu menjejaskan kemampuan Pemohon untuk memenuhi tanggungjawab Pemohon terhadap Kemudahan dan juga Terma-Terma ini, MBSB Bank boleh menuntut pembayaran penuh terhadap mana-mana jumlah wang yang belum dibayar oleh Pemohon kepada MBSB Bank dan/atau melaksanakan apa-apa langkah yang terkandung di sini dengan sewajarnya.

25. WAIVER OF FOREGOING CONDITIONS/ PENEPIAN SYARAT-SYARAT TERDAHULU

Any previous conditions in these Terms are solely for the benefit of MBSB Bank and may be waived either in whole or in part by MBSB Bank without affecting its rights. The waiver does not affect MBSB Bank's right to ensure that the Applicant complies with any previous conditions waived in the future. / Apa-apa syarat terdahulu di dalam Terma-Terma ini adalah semata-mata untuk faedah MBSB Bank dan boleh diketepikan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya oleh MBSB Bank tanpa menjejaskan haknya. Pengecualian tersebut tidak menjejaskan hak MBSB Bank untuk memastikan Pemohon mematuhi mana-mana syarat terdahulu yang diketepikan pada masa akan datang.

Please make sure you have read and understood the contents of this Form before signing it. Seek clarification from MBSB Bank if you do not understand any part of this Form. / Sila pastikan anda telah membaca dan memahami kandungan Borang ini sebelum menandatangani. Dapatkan penjelasan daripada MBSB Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian Borang ini.

Applicant's Signature/ Tandatangan Pemohon

Name/ Nama:

NRIC/ No. KP:

Date/ Tarikh: